



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

PENCUKAIAN AMANAH PERNIAGAAN

KETETAPAN UMUM NO. 10/2013

TARIKH KELUARAN: 3 JULAI 2013



Diterbitkan oleh
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Diterbitkan pada 3 Julai 2013

Edisi pertama pada 3 Julai 2013

© Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Semua hak terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau ditukar dalam apa bentuk atau dengan apa cara, termasuk fotokopi dan rakaman tanpa kebenaran bertulis daripada pemegang hak cipta. Kebenaran bertulis daripada penerbit hendaklah diperoleh sebelum mana-mana bahagian penerbitan ini disimpan dalam sistem yang boleh diperoleh semula dalam sebarang bentuk.



KANDUNGAN	Muka surat
1. Objektif	1
2. Peruntukan Berkaitan	1
3. Interpretasi	1
4. Amanah Perniagaan Di Malaysia	1
5. Struktur BT	3
6. Taraf Mastautin BT	4
7. Tempoh Asas BT	6
8. Layanan Cukai Ke Atas BT Berdaftar Atau Yang Diiktiraf Oleh SS	6
9. Maksud BT Terkawal	7
10. Relif Kumpulan Bagi BT	7
11. Pemindahan Terkawal	11
12. Punca Pendapatan Asing Dan Remitan	11
13. Insentif Cukai	12
14. Layanan Cukai Pada Kadar Istimewa Tidak Terpakai Kepada BT	12
15. Lain-Lain Cukai Dan Implikasi Cukai	13
16. Perbezaan Di Antara BT Dan Syarikat	15
17. Pengemukaan Borang Nyata Cukai Pendapatan	16
18. Glosari	16

KETETAPAN UMUM KETUA PENGARAH

Ketetapan Umum seperti diperuntukkan di bawah seksyen 138A Akta Cukai Pendapatan 1967 dikeluarkan bertujuan memberi panduan kepada orang awam dan pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Ia menggariskan interpretasi Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri berhubung peruntukan tertentu undang-undang cukai dan polisi serta prosedur yang terpakai mengenainya.

Ketetapan Umum boleh ditarikbalik, sama ada keseluruhan atau sebahagian, melalui notis penarikanbalik atau dengan penerbitan ketetapan baharu.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.**

1. **Objektif**

Objektif Ketetapan ini adalah untuk menerangkan layanan cukai ke atas amanah perniagaan yang berdaftar dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.

2. **Peruntukan Berkaitan**

Peruntukan Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP 1967) yang berkaitan dengan Ketetapan ini adalah subseksyen 2(1), 2(9), 2(11), seksyen 8, 21A, 44A, 75B, 132, 133, perenggan 2 Jadual 1, perenggan 38 hingga 40 Jadual 3 dan perenggan 28 Jadual 6.

3. **Interpretasi**

Perkataan yang digunakan dalam Ketetapan ini mempunyai maksud berikut:

- 3.1 “Amanah perniagaan (BT)” bermaksud suatu skim unit amanah di mana operasi atau pengurusan skim dan harta atau aset skim adalah diuruskan oleh *trustee-manager* [BT mempunyai maksud yang sama seperti yang diberikan di bawah Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007] .
- 3.2 “Syarikat” bermaksud suatu badan perbadanan dan termasuk mana-mana kumpulan orang-orang yang ditubuhkan di bawah satu pengenalan yang berasingan di sisi undang-undang oleh atau di bawah undang-undang sesuatu wilayah di luar Malaysia dan amanah perniagaan.
- 3.3 “Orang” termasuk syarikat, badan orang, perkongsian liabiliti terhad dan badan korporat.

4. **Amanah Perniagaan Di Malaysia**

Pada asasnya BT merupakan suatu struktur perniagaan yang berbentuk suatu amanah dan bukan suatu perbadanan. Seperti semua jenis amanah, dokumen pembentukan adalah surat ikatan amanah (*trust deed*) dan terdapat pemegang amanah. Bagi BT, pemegang amanah merupakan pemegang amanah-pengurus [*trustee-manager* (TM)] yang memegang aset milik perniagaan dan di sisi undang-undang sebagai pemegang amanah, dan pada masa yang sama juga bertanggungjawab mengurus perniagaan yang dijalankan oleh BT iaitu sebagai seorang pengusaha / operator. TM diberikan peranan utama dalam BT. Oleh itu, TM mestilah merupakan sebuah syarikat dan tidak termasuk syarikat tanggungan terhad (*exempt private company*). Pemegang unit amanah suatu BT mempunyai hak benefisial terhadap aset-aset BT melalui pembelian unit amanah dalam BT.

Seperti entiti perniagaan lain, BT secara aktifnya menjalankan operasi perniagaan. Kelebihan utama BT berbanding sebuah syarikat di dalam konteks Malaysia adalah agihan pendapatan kepada pelabur dapat dijana melalui aliran tunai BT, tertakluk kepada syarat-syarat kemampuan membayar. Ianya sangat berbeza daripada

sebuah syarikat di mana agihan pendapatan hanya terbit daripada keuntungan perakaunan.


Adalah dijangkakan BT lebih menarik bagi perniagaan aset yang berintensifkan modal tetapi memiliki aliran tunai yang stabil seperti perniagaan dalam industri infrastruktur, perkapalan, kemudahan awam dan sektor penjagaan kesihatan.

Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 (APMP), dibaca bersama Garis Panduan Amanah Perniagaan yang telah diterbitkan oleh Suruhanjaya Syarikat (SS) pada tarikh 28.12.2012 menyediakan rangka kerja undang-undang untuk menawarkan BT termasuk BT Islam di Malaysia. Salinan akta dan garis panduan boleh diperolehi daripada laman sesawang SS di www.ss.com.my.

Bagi tujuan pencukaian, BT diberi layanan cukai yang sama seperti sebuah syarikat. Menurut subseksyen 2(11), ACP 1967, apa-apa rujukan kepada saham atau modal saham biasa, pemegang saham dan dividen dalam ACP 1967 masing-masing merujuk kepada unit atau unit terbitan, pemegang unit dan pengagihan.

5. Struktur BT

Struktur Asas BT Berdaftar Di Malaysia



Fungsi *stakeholder* BT adalah seperti berikut:

No.	Stakeholder	Fungsi
(i)	<i>Promoter / Pemegang Saham</i>	<ul style="list-style-type: none"> • Seorang <i>promoter</i> (contoh: syarikat, individu) memperbadankan sebuah syarikat di Malaysia yang seterusnya bertindak sebagai TM. • Pemindahan aset perniagaan kepada suatu BT untuk balasan lazimnya adalah unit pegangan di dalam BT [sila rujuk (1) dan (4) di gambar rajah di atas].
(ii)	Pemegang Amanah-Pengurus	<ul style="list-style-type: none"> • TM adalah sebuah syarikat selain daripada syarikat tanggungan terhad dan merupakan sebuah BT apabila melaksanakan surat ikatan amanah (<i>trust deed</i>). • TM menyediakan perkhidmatan kepada sebuah BT dan bertanggungjawab kepada pengurusan dan operasi BT tersebut. • TM bertindak menjaga kepentingan pemegang unit. • TM merupakan pemilik sah ke atas aset, memegangnya sebagai amanah untuk BT. • TM boleh melantik seorang ejen untuk melaksanakan fungsi bagi pihaknya. • TM menerbit unit pegangan dalam BT melalui tawaran terbitan awal / penyenaian awal (<i>initial public offering / initial listing</i>) dan menggunakan modal tersebut untuk perolehan aset.

6. Taraf Mastautin BT

Suatu BT adalah bermastautin di Malaysia pada tahun asas bagi suatu tahun taksiran jika TM bagi BT itu bermastautin di Malaysia. TM bagi suatu BT bermastautin pada tahun asas bagi suatu tahun taksiran jika –

- (a) TM di dalam kapasitinya telah menjalankan perniagaan BT tersebut di Malaysia, dan
- (b) Pengurusan dan kawalan bagi perniagaan BT tersebut dilakukan di Malaysia.

Contoh 1

Sebuah BT telah didaftarkan di bawah SS di Malaysia dan seorang TM telah dilantik untuk mengurus dan mengusahakan perniagaan perkapalan sebuah BT di Malaysia. Semua mesyuarat TM berkaitan dengan pengurusan dan polisi yang perlu diikuti oleh BT telah diadakan di Malaysia.

BT tersebut dianggap bermastautin di Malaysia kerana TM telah menjalankan perniagaan perkapalan BT di Malaysia dan pengurusan serta kawalan bagi BT tersebut telah dilakukan di Malaysia. Oleh yang demikian, BT tersebut dikenakan cukai di bawah seksyen 54, ACP 1967.

Jika BT yang bermastautin di Malaysia pada tahun asas bagi suatu tahun taksiran, menjalankan perniagaan yang terdiri dari –

- (a) membawa penumpang atau kargo melalui lautan atas kapal Malaysia, atau
- (b) menyewakan sebuah kapal Malaysia yang dimilikinya khas untuk pelayaran atau sewaan berasaskan masa,

pendapatan berkanun daripada perniagaan tersebut bagi tahun taksiran itu adalah dikecualikan daripada cukai [subseksyen 54A(1) oleh ACP 1967]. Pengecualian cukai daripada pendapatan perkapalan bagi maksud pemastautin di Malaysia sebelum tahun taksiran 2014 telah dijelaskan di dalam Ketetapan Umum No. 10/2012 bertajuk Layanan Cukai Ke Atas Kapal Malaysia bertarikh 13.12.2012.

Sekiranya semua mesyuarat berkaitan dengan pengurusan sesuatu BT dan polisi yang perlu diikuti oleh BT diadakan di luar Malaysia oleh TM, maka BT dianggap bukan pemastautin di Malaysia kerana pengurusan dan kawalan BT tersebut tidak dijalankan di Malaysia. Oleh yang demikian BT tersebut dikenakan cukai sebagai bukan pemastautin di bawah seksyen 54 oleh ACP 1967.

Contoh 2

Sebuah BT telah didaftarkan di Malaysia oleh *promoter* yang merupakan syarikat tidak bermastautin di Malaysia. TM diperbadankan di Malaysia oleh *promoter* untuk mengurus dan mengusahakan BT bagi perniagaan operasi hospital di dalam dan di luar Malaysia. TM telah melantik ejen di Indonesia untuk mengurus dan mengusaha aktiviti perniagaan hospital di Indonesia. Perakaunan hospital di Indonesia telah diaudit oleh juruaudit di Malaysia. Akaun perniagaan disediakan dan dikumpulkan oleh BT di Malaysia. Semua mesyuarat berkaitan pengurusan hospital dan polisi yang perlu diikuti oleh BT adalah diadakan di Malaysia.

BT dianggap bermastautin di Malaysia kerana TM di atas kapasitinya telah menjalankan perniagaan BT di Malaysia serta pengurusan dan kawalan BT telah dijalankan di Malaysia.

Walaupun ejen telah dilantik di Indonesia untuk mengurus dan mengusahakan aktiviti perniagaan hospital di Indonesia, ini tidak bermaksud bahawa ejen tersebut berkuasa untuk mengawal perniagaan tersebut. Pengurusan dan kawalan perniagaan BT dianggap di jalankan di Malaysia kerana mesyuarat TM dijalankan di Malaysia dan TM tetap bertanggungjawab ke atas operasi hospital di Indonesia.

BT dan TM, kedua-duanya adalah pemastautin di Malaysia dan akan mendapat layanan cukai selaras dengan peruntukan yang berkaitan dalam ACP 1967.

7. Tempoh Asas BT

Tempoh asas bagi suatu tahun taksiran atau tempoh perakaunan kewangan yang berakhir pada selain daripada 31 Disember adalah tempoh asas bagi BT bagi suatu tahun taksiran dan ini ditentukan selaras dengan peruntukan di bawah seksyen 21A, ACP 1967.

Contoh 3

Sebuah BT telah memulakan operasi perniagaan pada 1.11.2013 dan menyediakan akaun sehingga 30.6.2014. BT menyediakan akaun berikutnya sehingga 30 Jun setiap tahun.

Tempoh asas bagi tahun taksiran berikut adalah:

Tahun Taksiran	Tempoh Asas
2013	1.11.2013 sehingga 31.12.2013
2014	1.01.2014 sehingga 31.12.2014
2015	1.07.2014 sehingga 30.06.2015
2016	1.07.2015 sehingga 30.06.2016

Sekiranya terdapat perubahan pada tempoh perakaunan BT, bagi tujuan bayaran ansuran untuk anggaran cukai kena dibayar oleh BT di bawah seksyen 107C ACP 1967, sila rujuk Ketetapan Umum No. 7/2011 bertajuk Pemberitahuan Pertukaran Tempoh Perakaunan Syarikat / Badan Amanah / Operasi.

8. Layanan Cukai Ke Atas BT Berdaftar Atau Yang Diiktiraf Oleh SS

Suatu BT dianggap sebagai sebuah syarikat berkuat kuasa dari 28.12.2012 [tarikh mula kuat kuasa peruntukan yang sama di bawah Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan (pindaan) 2012]. Berasaskan kepada layanan tersebut, maka pendapatan BT dikenakan cukai pada peringkat BT.

Peruntukan di dalam ACP 1967 berhubung kepada perkara yang di senaraikan di bawah adalah terpakai juga kepada sebuah BT:

- (a) Relif kumpulan
- (b) Pemindahan terkawal
- (c) Punca pendapatan asing dan remitan
- (d) Insentif cukai.

9. Maksud BT Terkawal

Suatu kumpulan BT adalah termasuk BT dan entiti subsidiari BT. Dua atau lebih BT layak mendapat layanan sebagai BT di dalam sebuah kumpulan BT, jika salah satu BT menguasai setiap BT yang lain. Entiti subsidiari yang berkaitan dengan BT telah dijelaskan di dalam perenggan 2.01 Garis Panduan Amanah Perniagaan yang dikeluarkan oleh SS.

10. Relif Kumpulan Bagi BT

Menurut seksyen 44A, ACP 1967, relif kumpulan layak kepada sebuah syarikat yang berada dalam kumpulan syarikat yang sama. Semua syarat yang terpakai kepada sebuah syarikat bagi tujuan relif kumpulan akan turut terpakai bagi BT dalam setiap kumpulan BT. Bagi maksud pemakaian peruntukan kumpulan kepada BT, unit dalam BT akan digunakan sebagai gantian kepada saham biasa syarikat .

Merujuk kepada Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007, struktur kumpulan BT adalah termasuk BT dan entiti subsidiari BT. Dalam ertikata lain, struktur kumpulan BT adalah terdiri daripada kalangan BT.

10.1 Penentuan hubungan pihak berkaitan

Ujian dua tahap dikenakan bagi menentukan sama ada BT menuntut dan BT menyerah layak sebagai BT yang berkaitan. Tahap pertama ujian adalah berkaitan dengan unit pegangan BT. Untuk tujuan relif kumpulan, BT menyerah dan menuntut adalah BT yang berkaitan jika sekurang-kurangnya tujuh puluh peratus (70%) daripada unit yang dipegang berkaitan unit -

- (a) BT menyerah adalah secara langsung atau tidak langsung (melalui *medium* BT lain yang bermastautin dan diperbadankan di Malaysia) dimiliki oleh BT yang menuntut, atau
- (b) BT menuntut adalah secara langsung atau tidak langsung (melalui *medium* BT lain yang bermastautin dan diperbadankan di Malaysia) dimiliki oleh syarikat serahan, atau
- (c) BT menyerah dan BT menuntut adalah secara langsung atau tidak langsung dimiliki oleh BT lain yang bermastautin dan diperbadankan di Malaysia.


Dalam menentukan paras pegangan sebanyak 70%, mana-mana pegangan langsung atau tidak langsung oleh BT yang tidak bermastautin atau diperbadankan di Malaysia adalah diabaikan.

Contoh 4

ABC Bhd menjalankan perniagaan perkapalan dan pembinaan di Malaysia. ABC Bhd memutuskan untuk menubuhkan AB Trust dan BC Trust bagi setiap perniagaan dan dua TM yang berasingan telah dilantik untuk kedua-dua BT. Kedua-dua BT adalah pemastautin Malaysia, dan pengurusan dan kawalan BT di laksanakan di Malaysia. ABC Bhd memindahkan aset perniagaan termasuk loji, jentera, tanah dan bangunan kepada kedua-dua BT tersebut. Unit pegangan oleh AB Trust dan BC Trust adalah seperti berikut:

Pemegang Unit	Unit Pegangan Dalam AB Trust	Unit Pegangan Dalam BC Trust
ABC Bhd	95%	90%
Lain-lain	5%	10%

Struktur Kumpulan BT diringkaskan seperti berikut:



Hubungan Di Antara Penaja (Syarikat) Dan BT	Unit Pegangan Ke Atas Unit BT (Langsung Atau Tidak Langsung) (%)	Keperluan Unit Pegangan 70% Dipenuhi?
ABC Bhd & AB Trust	95% - langsung	Ya
ABC Bhd & BC Trust	90% - langsung	Ya

10.2 Walaupun pemilikan 70% daripada unit pegangan telah dipenuhi, ia tidak bermakna secara automatik BT menuntut dan menyerah adalah berkaitan bagi tujuan relif kumpulan. Ujian tahap kedua diperlukan sebagai tambahan untuk BT yang menuntut atau yang menyerah memiliki sekurang-kurangnya 70% unit pegangan dalam BT lain. BT yang memiliki 70% unit pegangan dalam BT lain juga mestilah mempunyai hak benefisial sekurang-kurangnya 70% daripada baki keuntungan dan baki aset BT lain.

(a) Baki keuntungan

Pemegang unit dalam BT mestilah menunjukkan bahawa mereka sebenarnya berhak secara langsung atau tidak langsung ke atas sekurang-kurangnya 70% daripada mana-mana baki keuntungan BT yang boleh diagihkan kepada pemegang unit BT. Pemegang unit BT adalah pemegang unit di dalam BT dan sebagai pemiutang bagi pinjaman bukan komersial.

Pengiraan baki keuntungan adalah seperti berikut:

	RM
Keuntungan perakaunan (untung bersih sebelum cukai) (selepas ditolak pulangan tetap atas pinjaman komersial dan bukan komersial)	XX
Baki keuntungan	<u>XX</u>

Jika BT tidak mempunyai baki keuntungan, jumlah nosional sebanyak RM100 dianggap sebagai baki keuntungan.

(b) Baki aset

Pemegang unit dalam BT mestilah menunjukkan bahawa mereka sebenarnya berhak secara langsung atau tidak langsung ke atas sekurang-kurangnya 70% daripada mana-mana baki aset BT yang boleh diagihkan kepada pemegang unit jika BT digulungkan.

Baki aset adalah aset bersih -

- (i) yang boleh diagihkan kepada pemegang unit apabila berlaku penggulungan,
- (ii) selepas ditolak bayaran untuk pinjaman komersial, dan
- (iii) diagihkan dengan menggunakan nisbah yang digunakan untuk menentukan baki keuntungan.

Jika BT tidak mempunyai baki aset, jumlah nosional sebanyak RM100 dianggap sebagai baki aset.

Contoh 5

10,000 unit dalam XYZ BT dimiliki oleh pemegang unit berikut:

- A BT - 7,000 unit (70% unit yang diterbitkan)
- B BT - 2,000 unit (20% unit yang diterbitkan)
- C BT - 1,000 unit (10% unit yang diterbitkan)

XYZ BT mempunyai keuntungan perakaunan sebanyak RM250,000 selepas ditolak pulangan tetap atas pinjaman komersial dan bukan komersial berjumlah RM100,000. Aset bersih XYZ BT adalah RM130,000.

Hubungan pihak berkaitan ditentukan seperti berikut:

Hubungan Di Antara XYZ BT Dan BT	Unit Pegangan Ke Atas BT (Langsung Atau Tidak Langsung) (%)	Keperluan Unit Pegangan 70% Dipenuhi?
XYZ BT & A BT	70% - langsung	Ya
XYZ BT & B BT	20% - langsung	Tidak
XYZ BT & C BT	10% - langsung	Tidak

Baki keuntungan adalah RM250,000. Berikut adalah BT yang layak ke atas baki keuntungan XYZ BT :

Pemegang Unit XYZ BT	Bahagian Baki Keuntungan (RM)	Peratusan Baki Keuntungan
A BT	$(7,000 / 10,000) \times 250,000 = 175,000$	$175,000 / 250,000 = 70\%$
B BT	$(2,000 / 10,000) \times 250,000 = 50,000$	$50,000 / 250,000 = 20\%$
C BT	$(1,000 / 10,000) \times 250,000 = 25,000$	$25,000 / 250,000 = 10\%$

BT A memiliki 70% hak benefisial ke atas baki keuntungan XYZ BT.

BT yang layak ke atas baki aset XYZ BT adalah seperti berikut:

Pemegang Unit XYZ BT	Bahagian Baki Keuntungan (RM)	Peratusan Baki Aset
A BT	$(7,000 / 10,000) \times 130,000$ = 91,000	91,000 / 130,000 = 70%
B BT	$(2,000 / 10,000) \times 130,000$ = 26,000	26,000 / 130,000 = 20%
C BT	$(1,000 / 10,000) \times 130,000$ = 13,000	13,000 / 130,000 = 10%

BT A memiliki 70% hak ke atas baki aset XYZ BT.

11. Pemindahan Terkawal

Berhubung dengan pemindahan terkawal, peruntukan di bawah perenggan 38 hingga 40 Jadual 3 ACP 1967 adalah terpakai. Bagi seorang yang telah atau sepatutnya membuat tuntutan mana-mana elaun modal atau elaun bangunan industri di bawah Jadual 3, ACP 1967 dan kemudiannya melupuskan aset kepada BT, adalah dianggap telah melupuskan aset pada jumlah yang bersamaan dengan baki perbelanjaan pada hari pertama tempoh asas terakhir syarikat. Oleh itu, orang tersebut tidak akan tertakluk kepada kenaan imbalan atau elaun imbalan. Hanya BT layak menuntut elaun modal atau elaun bangunan industri ke atas baki perbelanjaan aset.

Kawalan berhubung suatu BT bermaksud hak bagi pemegang unit adalah tidak kurang daripada 50% daripada baki keuntungan BT yang boleh diagihkan, atau tidak kurang daripada 50% daripada mana-mana baki aset yang boleh diagihkan apabila berlaku penggulungan.

12. Punca Pendapatan Asing dan Remitan

- (a) Menurut perenggan 28(1), Jadual 6 ACP 1967, pendapatan bagi mana-mana orang, selain daripada syarikat pemastautin yang menjalankan perniagaan perbankan, insurans dan pengangkutan udara atau laut untuk tahun asas bagi suatu tahun taksiran yang diperolehi dari sumber luar Malaysia dan diterima di Malaysia adalah dikecualikan daripada cukai.
- (b) Sehubungan dengan itu, kredit dua belah pihak (Seksyen 132, ACP 1967) and kredit sebelah pihak (seksyen 133, ACP 1967) adalah relevan hanya kepada BT yang bermastautin di Malaysia:
 - (i) yang menjalankan perniagaan perbankan, insurans dan pengangkutan laut atau udara, dan

- (ii) mempunyai pendapatan asing yang telah dikenakan cukai asing walaupun pendapatan itu dianggap sebagai diperolehi daripada Malaysia.
- (c) Pemastautin BT di Malaysia yang menerima remitan daripada punca asing yang dikecualikan cukai mengikut perenggan 28, Jadual 6 ACP 1967 tidak layak menuntut kredit dua belah pihak atau kredit sebelah pihak memandangkan remitan tersebut tidak tertakluk kepada cukai di Malaysia.

Contoh 6

Fakta adalah sama seperti di Contoh 2.

Layanan cukai ke atas pendapatan yang diperolehi dari Malaysia atau Indonesia oleh BT akan bergantung kepada fakta kes. Dalam kes ini, pendapatan yang diperolehi di Indonesia dianggap sebagai punca pendapatan asing dan BT di Malaysia dikecualikan daripada cukai di bawah perenggan 28, Jadual 6 ACP 1967 ke atas pendapatan asing yang diperolehi.

Liabiliti cukai ke atas BT di Indonesia akan bergantung kepada undang-undang cukai tempatan di Indonesia dan Perjanjian Pengelakan Cukai Dua Kali (PPPDK) di antara Malaysia dan Indonesia. Rujukan perlu dibuat kepada Artikel 7 PPPDK untuk menentukan sama ada keuntungan yang diperolehi oleh BT Malaysia (syarikat asing) di Indonesia adalah dikenakan cukai di Indonesia. Punca keuntungan BT yang diperolehi daripada Indonesia perlu dikaji dengan menggunakan kaedah ujian *permanent establishment* (seperti yang ditetapkan di dalam Artikel 5 PPPDK). Jika didapati bahawa BT menjalankan perniagaan melalui *permanent establishment* di Indonesia, maka Indonesia boleh mengenakan cukai ke atas keuntungan BT yang berkaitan dengan *permanent establishment*.

13. Insentif Cukai

Peruntukan ACP 1967, Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan dan Perintah (Pengecualian) Cukai Pendapatan yang berkaitan dengan insentif cukai bagi syarikat juga terpakai kepada BT berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2013. Walau bagaimanapun, perlu diambil perhatian bahawa insentif tidak terpakai kepada BT jika syarikat didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1965.

14. Layanan Cukai Pada Kadar Istimewa Tidak Terpakai Kepada BT

Menurut subseksyen 2(9), ACP 1967, layanan cukai istimewa berikut yang dinikmati oleh syarikat yang mempunyai modal saham RM2.5 juta atau kurang pada permulaan tempoh asas bagi suatu tahun taksiran tidak terpakai kepada BT:

- (a) Pengemukaan anggaran cukai kena dibayar

Sebuah syarikat yang bermastautin di Malaysia tidak perlu mengemukakan anggaran cukai kena dibayar dalam borang yang ditetapkan (Borang CP

204) untuk dua tahun taksiran bagi tempoh permulaan operasi syarikat jika modal saham syarikat tidak melebihi daripada RM2.5 juta pada kedua-dua tempoh asas tersebut dan syarikat tersebut tidak mengawal atau dikawal oleh syarikat berkaitan yang mempunyai modal saham biasa melebihi RM2.5 juta pada permulaan tempoh asas bagi suatu tahun taksiran [subseksyen 107C(4A), ACP 1967].

BT dikehendaki mengemukakan anggaran cukai kena dibayar (Borang CP 204) dalam tempoh 3 bulan dari tarikh permulaan operasi.

(b) Kadar cukai Istimewa

Sebuah syarikat yang bermastautin di Malaysia yang mempunyai modal berbayar saham tidak melebihi RM 2.5 juta pada permulaan tempoh asas bagi satu tahun taksiran dikenakan cukai pada kadar 20% bagi pendapatan bercukai RM500,000 pertama. Pendapatan bercukai melebihi RM500,000 akan dikenakan cukai pada kadar semasa 25%. [perenggan 2A, Jadual 1, ACP 1967].

BT dikenakan cukai pada kadar semasa cukai korporat 25% dan kadar istimewa 20% di atas tidak terpakai bagi BT.

(c) Elaun khas bagi aset bernilai kecil

Syarikat dibenarkan kadar istimewa elaun untuk aset bernilai kecil tetapi tuntutan khas ini adalah terhad kepada RM10,000 bagi setiap tahun taksiran. Walau bagaimanapun, bagi syarikat yang bermastautin di Malaysia yang mempunyai modal saham tidak melebihi RM2.5 juta pada permulaan tempoh asas bagi suatu tahun taksiran tidak tertakluk kepada sekatan RM10,000 [perenggan 19A, Jadual 3, ACP 1967].

BT tidak layak untuk menuntut elaun khas bagi aset bernilai kecil. Kadar elaun modal biasa yang diperuntukan di bawah perenggan 10 dan 15, Jadual 3, ACP 1967 adalah terpakai kepada BT.

15. Lain-lain Cukai Dan Implikasi Cukai

Cukai / lain-lain isu yang perlu dipertimbangkan adalah -

15.1 Cukai Keuntungan Harta Tanah (CKHT)

(a) Walaupun pelupusan harta tanah oleh pelupus kepada BT tidak tertakluk kepada cukai pendapatan, CKHT adalah dikenakan ke atas keuntungan yang boleh dikenakan bagi cukai yang terakru atas pelupusan harta tanah di Malaysia.

Walaupun bagaimanapun, pengecualian CKHT diberikan kepada mana-mana orang ke atas keuntungan yang boleh dikenakan bagi cukai yang terakru atas pelupusan apa-apa aset bercukai, termasuk

saham dalam syarikat harta tanah, kepada TM yang bertindak bagi pihak BT, berkenaan dengan penyenaian awal [pemindahan awal harta tanah atau saham dalam syarikat harta tanah daripada penganjur (*promoter*) kepada BT] yang telah didaftarkan dan diluluskan oleh SS pada atau selepas 1.1.2013 tetapi tidak lewat daripada 31.12.2017 [Cukai Keuntungan Harta Tanah (Pengecualian) Perintah 2013, P.U.(A) 128/2013].

Perlu diambil perhatian bahawa pengecualian ini adalah terpakai sekali sahaja iaitu semasa di awal tempoh permulaan bagi transaksi pemindahan harta tanah atau saham dalam syarikat harta tanah dari *promoter* (syarikat atau individu) kepada BT.

Apabila aset dipindahkan kepada BT dan kemudiannya dilupuskan, maka bagi tujuan CKHT tarikh pemerolehan aset yang dipindahkan adalah tarikh pemindahan aset daripada pelupus kepada BT.

Contoh 7

Sebuah syarikat telah memindahkan harta tanah kepada BT pada 1.6.2013. Kemudian harta tersebut telah dilupuskan pada 1.7.2017 oleh BT.

Bagi tujuan CKHT, tarikh pemerolehan harta sebenar adalah pada 1.6.2013 dan nilai pasaran harta tanah juga pada tarikh 1.6.2013.

- (b) Secara umumnya, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia tidak akan menentukan sama ada harta atau saham dalam syarikat harta tanah yang dipindahkan secara *one-off* daripada pelupus kepada BT adalah satu usaha dalam aktiviti biasa perdagangan (*adventure in the nature of trade*).
- (c) CKHT tidak dikenakan ke atas harta yang dipegang sebagai stok dagangan oleh syarikat atau individu dan dipindahkan kepada BT. Pelupusan stok dagangan kepada BT oleh individu atau syarikat adalah tertakluk kepada ACP 1967.

15.2 Duti Setem

- (a) Pengecualian duti setem diberi ke atas semua surat cara yang disempurnakan oleh TM yang bertindak bagi pihak BT berhubung dengan pemindahan apa-apa perniagaan, aset atau harta tanah kepada BT untuk tujuan tawaran awal (tempoh permulaan pindahmilik harta tanah atau saham dalam syarikat harta tanah daripada *promoter* kepada sebuah BT). BT tersebut perlulah berdaftar dan diluluskan oleh SS pada atau selepas 1.1.2013 tetapi tidak lewat dari tarikh 31.12.2017 [Pengecualian Duti Setem (No. 7)

Perintah 2013 127/2013].

- (b) Pengecualian duti setem tidak terpakai dalam kes di mana pinjaman dipindahkan ke BT. Suratcara melepaskan gadaian dan gadaian semula adalah tidak dikecualikan daripada duti setem.

15.3 Hutang dagangan yang diambil alih daripada entiti.

Hutang perdagangan boleh dipindahkan ke BT oleh sebuah syarikat. BT perlu menyimpan rekod yang berasingan bagi pemindahan tersebut kerana hutang perdagangan yang diambil alih oleh BT merupakan aset modal bagi BT. Oleh itu, BT tidak boleh menuntut potongan cukai berkenaan dengan hutang sekiranya hutang perdagangan tersebut menjadi lapuk atau dihapuskan. Begitu juga apa-apa perolehan daripada hutang tersebut tidak dikenakan cukai.

16. Perbezaan Di Antara BT Dan Syarikat

Perbezaan ketara antara BT dan syarikat adalah seperti berikut:

Ciri-Ciri	BT	Syarikat
Berdaftar	Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007	Akta Syarikat 1965
Pemilik Perniagaan	TM (atas amanah dari pemegang unit)	Syarikat (pemegang saham memiliki saham dalam syarikat yang memberi hak-hak tertentu berhubung syarikat)
Status Undang-Undang	Satu entiti. Bukan suatu badan korporat	Suatu badan korporat (sebuah entiti sah yang berasingan)
Tanggungjawab Bagi Pengurusan Perniagaan	Diuruskan oleh TM sebagai entiti tunggal yang bertanggungjawab	Lembaga pengarah dan pengurusan
Pihak Yang Bertanggungjawab Ke Atas Hutang Perniagaan	TM	Syarikat

Ciri-Ciri	BT	Syarikat
Pulangan	<p>Pemegang unit berhak untuk berkongsi agihan apabila diisytiharkan.</p> <p>Agihan dibayar daripada aliran tunai, tertakluk kepada kemampuan membayar.</p>	<p>Pemegang saham berhak untuk berkongsi dividen apabila diisytiharkan.</p> <p>Dividen hanya dibayar daripada keuntungan perakaunan.</p>
Cukai	<p>Cukai dibayar oleh TM daripada pendapatan yang dihasilkan oleh BT pada kadar cukai korporat.</p> <p>Pengagihan yang diterima oleh pemegang unit dikecualikan cukai.</p> <p>Pengecualian duti setem bagi pemindahan perniagaan dan aset kepada BT (sekali sahaja).</p> <p>Pengecualian cukai keuntungan harta tanah bagi pemindahan harta tanah atau syarikat harta tanah kepada BT (sekali sahaja).</p>	<p>Cukai korporat dibayar atas keuntungan.</p> <p>Tiada cukai dibayar oleh pemegang saham ke atas dividen.</p>

17. Pengemukaan Borang Nyata Cukai Pendapatan

TM adalah bertanggungjawab untuk memastikan BT memfailkan Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP) iaitu Borang TN bagi setiap tahun taksiran. BNCP perlu dihantar kepada Ketua Pengarah Hasil dalam Negeri dalam tempoh 7 bulan dari tarikh penutupan tempoh perakaunan yang merupakan tempoh asas bagi tahun taksiran itu.

18. Glosari

- 18.1 "Amanah perniagaan berdaftar" bermaksud amanah perniagaan yang ditubuhkan di Malaysia yang didaftarkan di bawah subseksyen 256K(1), APMP 2007.
- 18.2 "Amanah perniagaan diiktiraf" bermaksud amanah perniagaan yang

ditubuhkan di luar Malaysia yang diiktiraf di bawah subseksyen 256K(1), APMP 2007.

- 18.3 “Kumpulan amanah perniagaan” termasuk amanah perniagaan dan entiti anak syarikat amanah perniagaan.
- 18.4 “Pemegang Amanah-Pengurus” bermaksud seorang yang –
- (a) memegang harta atau aset atas amanah untuk pemegang unit amanah perniagaan, dan
 - (b) mengurus dan mengusaha harta atau aset amanah perniagaan tersebut.
- 18.5 “Pemegang unit” bermaksud pemegang unit dalam amanah perniagaan.
- 18.6 “Suruhanjaya Sekuriti (SS)” bermaksud Suruhanjaya Sekuriti yang ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993.
- 18.7 “Syarikat tanggungan terhad (*exempt private company*)” bermaksud sebuah syarikat sendirian berhad di mana saham syarikat tidak mempunyai hak benefisial yang dipegang secara langsung atau tidak langsung oleh mana-mana perbadanan dan mempunyai bilangan ahli kurang daripada dua puluh.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.**

